

## Nauraj bertekad mahu tebus kegagalan di Manila

Oleh MUHAMMAD  
HELMEE RAMLI

**SELEPAS** sekadar merangkul pingat perak pada edisi terdahulu di Filipina, jaguh lompat tinggi kebangsaan, Nauraj Singh Randhawa meletakkan sasaran emas pada temasya Sukan SEA 2021 di Hanoi, Vietnam.

Dia yang melakukan catatan terbaik 2.27 meter (m) musim ini berharap dapat meneruskan momentum tersebut selepas melakukan persediaan rapi bagi mengharungi temasya tersebut.

Nauraj berkata, dia enggan terlalu memberi perhatian terhadap usaha untuk memperbaiki rekod lompatan, sebaliknya misi utama membawa pulang

kilauan pingat emas.

"Saya meletakkan sasaran untuk bawa pulang pingat emas. Saya tidak begitu berminat dengan rekod di sana nanti.

"Sudah pasti saya akan berikan segala-galanya di Hanoi nanti. Harapan saya sudah tentu untuk memenangi pingat emas di Sukan SEA," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan tajaan Ajinomoto (Malaysia) Berhad di Kompleks Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil baru-baru ini.

Turut hadir pada majlis itu Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Ajinomoto (Malaysia) Berhad, Tomoharu Abe.

Pada masa sama, Nauraj juga meningkatkan intensiti latihan

menjelang temasya Sukan SEA itu nanti kerana menganggap setiap kejohanan penting memerlukan persiapan yang rapi.

"Dari segi latihan tidak banyak perbezaan berbanding biasa, cuma tingkatkan intensiti," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Abe menyatakan rasa bangga kerana dapat menjadi sebahagian daripada usaha untuk membantu kontinen Malaysia di Hanoi nanti.

"Tahun ini, kami bangga dapat menyokong atlet Malaysia dengan menyediakan makanan nutrisi yang sesuai serta minuman asid amino sebagai persiapan merebut kemenangan di Sukan SEA nanti," kata beliau.



NAURAJ (kiri) bersama rakan atlet hadir pada majlis penajaan Ajinomoto di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil baru-baru ini.